

Tekankan orde dunia inklusif, kepentingan multilateralisme

BERITA HARIAN 6 JUL 2025

Perdana Menteri sampaikan Kenyataan Negara pada Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menekankan kepentingan multilateralisme di tengah-tengah peningkatan polarisasi landskap global serta komitmen Malaysia terhadap orde dunia yang lebih seimbang dan inklusif pada Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS di Rio de Janeiro, Brazil. Pemangku Ketua Perwakilan

Kedutaan Besar Malaysia di Brasilia, Datuk Mohammad Ali Selamat, berkata Perdana Menteri akan menyampaikan Kenyataan Negara bertajuk: 'Memperkukuh Multilateralisme, Ekonomi-Kewangan dan Kecerdasan Buatan (AI)' ketika sesi Negara Rakan BRICS pada sidang kemuncak itu, semalam.

Pada Isnin, Perdana Menteri akan menyampaikan satu lagi Kenyataan Negara bertajuk 'Alam Sekitar, COP30 dan Kesihatan Global' pada sidang kemuncak yang bertemakan 'Memperkukuh Kerjasama Selatan Global untuk Tadbir Urus Lebih Inklusif dan Mampan' itu.

Bercakap kepada media Malaysia menerusi sidang media secara maya dari Brasilia, Mohammad Ali berkata, kedua-dua intervensi itu mencerminkan komitmen teguh Malaysia untuk

mengukuhkan multilateralisme dan mengangkat suara dan kepentingan negara membangun, sejajar dengan objektif teras BRICS 2025.

"Menerusi ucapannya Perdana Menteri akan menekankan kepentingan multilateralisme melalui dialog membina dan kerjasama inklusif kerana Malaysia yakin platform seperti BRICS memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat antarabangsa, khususnya negara membangun di Selatan Global menangani cabaran yang merencatkan pembangunan mampan, pertumbuhan saksama dan kestabilan global.

"Malaysia, sebagai Pengerusi ASEAN, menggalakkan kerjasama serantau melalui transformasi digital, tadbir urus AI dan perdagangan lebih inklusif," katanya.

Sementara itu, pada sesi kedua,

Perdana Menteri akan memberi tumpuan kepada cabaran menangani isu kesihatan global dan perubahan iklim melalui kerjasama antarabangsa, di samping turut menekankan usaha memperkukuh pembiayaan iklim ke arah peralihan yang mampan.

Komited pererat hubungan

Selaku Pengerusi ASEAN 2025, Mohammad Ali berkata, Malaysia juga komited mengukuhkan hubungan antara kedua-dua kumpulan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi serantau untuk membina ekonomi global yang lebih inklusif, saksama dan mampan ketika sidang kemuncak berkenaan.

Sementara itu, ketika lawatan ke Rio de Janeiro, Anwar yang juga Menteri Kewangan dijadualkan untuk mengadakan mesyuarat perniagaan dengan syarikat

aeroangkasa multinasional Brazil, Embraer.

Mohammad Ali berkata, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Brazil meningkat sebanyak 14.6 peratus kepada RM20.35 bilion (AS\$4.38 bilion) pada 2024, daripada RM17.43 bilion pada tahun sebelumnya, mengekalkan Brazil sebagai salah satu rakan dagang utama Malaysia di Amerika Latin.

Sementara itu, Kementerian Luar Malaysia dalam satu kenyataan berasingan berkata, Anwar juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari negara anggota dan negara rakan BRICS ketika sidang kemuncak itu.

Sidang kemuncak itu adalah perhimpunan pertama ketua negara dan kerajaan daripada negara anggota dan negara rakan BRICS.

BERNAMA